

11 JAN 2002

Muhyiddin-PAS

PAS MASIH GAGAL SAHUT CABARAN PM UMUMKAN BENTUK NEGARA ISLAM

SLIM RIVER, 11 Jan (Bernama) -- PAS masih gagal mengumumkan bentuk negara Islam yang hendak ditubuhkannya dan ini jelas menunjukkan negara Islam yang diilhamkannya tidak lebih daripada slogan politik parti itu, kata naib presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Sudah berbulan-bulan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cabar PAS bagi tahu apakah maksud dan bentuk negara Islam yang hendak dibinanya. Bukan sahaja di Parlimen malah di luar Parlimen juga tetapi PAS masih berdiam," katanya.

Muhyiddin berkata hakikat PAS masih gagal berbuat demikian jelas menunjukkan hasrat mendirikan negara Islam oleh parti pembangkang itu hanyalah pada slogan dan semata-mata untuk meraih sokongan dan undi orang Islam.

"Sudahlah ia tak sambut cabaran itu, kita pula yang dituduhnya tidak Islam. Semua ini semata-mata hendak tarik pengundi untuk menang pilihan raya," katanya pada majlis Hari Raya anjuran bersama Umno bahagian Tanjung Malim, Kampar dan Tapah di sini, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Sebaliknya, Muhyiddin berkata kerajaan yang ada sekarang di bawah pimpinan Umno melaksanakan dasar-dasar Islam yang membolehkan rakyat berbilang kaum hidup bersatu-padu dan dalam keadaan aman.

"Orang Islam di negara ini juga boleh menunaikan kewajipan Islam seperti membayar zakat dan fitrah serta mengerjakan haji di Mekah tanpa sebarang masalah," tambah beliau.

Beliau yakin lebih banyak tuduhan-tuduhan tidak berasas akan dilemparkan oleh PAS semasa kempen pilihan raya kecil Indera Kayangan yang sedang berlangsung sekarang.

"Peristiwa Sauk pun mereka boleh kata sandiwara sedangkan ada yang mati. Sebenarnya, mereka mahu menutup kelemahan-kelemahan mereka," katanya.

Beliau meminta ahli-ahli Umno dan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah parti pembangkang, terutamanya PAS yang kini jelas berada dalam keadaan bercelaru dan terdesak.

"Kerajaan sentiasa membela nasib rakyat. Ambillah apa yang berlaku di Afghanistan sebagai iktibar...umat Islamnya kini ada yang terpaksa makan rumput untuk terus hidup sedangkan kita dilindungi daripada pelbagai bencana," katanya.

-- BERNAMA

AR PR